

Isi tempat kosong dengan kata ganti nama diri yang sesuai

beliau

saya

kami

kamu

dia

mereka

kita

patik

beta

kalian

- 1 " _____ perlu menyiapkan kerja sekolah sebelum keluar bermain, " kata Puan Lina kepada anaknya
- 2 " _____ hendaklah menyiapkan karangan ini sebelum waktu rehat, " kata Cikgu Daril kepada murid-muridnya.
- 3 "Cikgu Azman mengingatkan _____ supaya bergotong-royong membersihkan kelas," kata Rania kepada rakan-rakannya.
- 4 "Tuanku, _____ sudah menyiapkan segala persiapan untuk ke Gunung Ledang esok, " kata Hang Jebat kepada Sultan Melaka.
- 5 " _____ amat kesal dengan kejadian amuk itu," titah Sultan Melaka dengan nada sedih.
- 6 Badrul dan Amin berjalan kaki ke sekolah. _____ hendak menjalani latihan bola baling.
- 7 "Adakah Zikri tinggal berdekatan dengan rumah kamu, Adam ? Mengapakah sudah dua hari _____ tidak datang ke sekolah ? tanya Cikgu Siti.
- 8 _____ berasa terharu atas kepercayaan penduduk di kawasan itu kerana memilihnya sebagai Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Pagoh Jaya.
- 9 "Ibu tidak membenarkan _____ menyertai perkhemahan itu," kata Shereen kepada Alia.
- 10 " _____ berjanji tidak akan bergaduh lagi," kata Syed dan Aidil kepada guru disiplin.